



PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

SHE 101 : HUBUNGAN ETNIK

SEMESTER 2

SIDANG AKADEMIK 2017/2018

TAJUK :

PENGGUNAAN PANTUN DALAM KALANGAN  
MASYARAKAT MELAYU SARAWAK

Nama Ahli Kumpulan	No Matriks
IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI	136361
MOHAMAD HANIF BIN MOHD NOOR	136373
MASYITAH BINTI KARATE	136371
MASYITAH BINTI ZULKIFLI	136372
MASLIANA BINTI ABDUL LEMIN	136370
KARTINI BINTI ISMAIL	136367
GRACE ANAK GERAMAN	136359
HANAZATUL HUSNA BINTI YAHAYA	136360
JURIANA BINTI ISMAIL	136365
IMAN BINTI MOHAMAD ZAWAWI	136362

**NAMA PENSYARAH**

PROFESSOR MADYA DR. SHAHABUDDIN BIN HASHIM

## **1.0 PENGENALAN**

Sarawak yang mendapat jolokan ‘Bumi Kenyalang’ merupakan sebuah negeri yang unik kerana kepelbagaiannya etniknya. Sebagai sebuah negeri yang terbesar di Malaysia, Sarawak bukan sahaja hebat dalam perjalanan sejarahnya, tetapi turut terkenal dengan kekayaan bahasa dan budaya yang cukup berbeza berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Hal ini menyebabkan Sarawak sering menjadi tumpuan para penyelidik dan pengkaji bahasa. Antara bahasa yang masih banyak penuturnya ialah bahasa Melayu dialek Sarawak, bahasa Iban, bahasa Bidayuh, bahasa Melanau, bahasa Kayan, dan bahasa Kenyah.

Begitu juga dengan kami sekumpulan, kami telah memilih bahasa Melayu dialek Sarawak dalam menjalankan tugas ini. Pantun merupakan elemen utama kami dalam memahami dan mengkaji penggunaannya. Bagi Masyarakat Melayu Sarawak, pantun merupakan pernyataan, serlahan akal, budi dan pandangan semesta individu secara universal terhadap alam sekitar dan dunia kehidupannya. Masyarakat Melayu Sarawak sebenarnya kaya dengan adat istiadat yang ditentun dengan unsur-unsur kesopanan dan kesantunan. Unsur-unsur ini dapat ditelah dalam pelbagai aspek kehidupan termasuklah menerusi perlakuan dan penggunaan bahasa. Ketrampilan suatu bangsa itu dicerminkan melalui bahasanya begitu juga dengan Masyarakat Melayu Sarawak sendiri, bahasa mereka menonjolkan ketrampilan jati diri Bangsa Melayu Sarawak berdasarkan pantun-pantun terpilih yang biasanya diadaptasi daripada Kumpulan Pantun Lisan Melayu. Pantun merupakan genre puisi Melayu tradisional dan salah satu tradisi lisan tertua dalam budaya Melayu. Aspek ini berfungsi sebagai landasan untuk memanifestasikan hasrat serta pemikiran, di samping dapat memaparkan keindahan dialek atau bahasa sesuatu kaum itu. Bukan itu sahaja, pantun ini juga berfungsi untuk menyerlahkan keaslian peribadi sesuatu bangsa itu kepada masyaakat luar.

## **2.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Terdapat beberapa objektif semasa menjalankan tugas ini. Antaranya ialah :

1. Mengkaji penggunaan pantun dalam kalangan masyarakat melayu sarawak dalam situasi yang berbeza
2. Memahami maksud pantun dan mempelajari serba sedikit penggunaan bahasa melayu sarawak
3. Sebagai panduan kepada generasi pengkaji akan datang
4. Menambah pengetahuan dari segi dialek negeri lain
5. Mendorong mereka yang celik minat terhadap pantun untuk lebih mengenali dan menghayati pantun.

### **3.0 METODOLOGI KAJIAN**

Dalam menjalankan tugas ini, kami telah menggunakan beberapa kaedah kajian untuk mendapatkan maklumat yang kami perlukan. Antara kaedah yang kami gunakan ialah :

#### **3.1 Kaedah Temu Bual**

Dalam menjalankan tugas ini, terdapat beberapa responden yang kami gunakan untuk mendapatkan maklumat tambahan. Kami menggunakan kaedah temu bual ini kerana terdapat sesetengah perkataan dan istilah yang kurang difahami oleh kami sekumpulan. Kaedah temu bual yang kami gunakan ini bertempat di Universiti Sains Malaysia. Responden-responden terdiri daripada pelajar tahun empat dan pelajar tahun satu yang berbangsa Melayu Sarawak. Berikut merupakan responden yang kami temu bual bagi mendapatkan maklumat yang diinginkan.

1. Irlonna Nastia Binti Ibrahim, pelajar tahun empat Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan. Tarikh ditemu bual pada 15 Mei 2018, 10:00 pagi.
2. Abdul Aziz Bin Zulkifli, pelajar tahun empat Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan. Tarikh ditemu bual pada 20 Mei 2018, 11:00 pagi.
3. Mohd Daniel Ehsaq Bin Abdullah, pelajar tahun satu Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan. Tarikh ditemu bual pada 23 Mei 2018, 8:00 pagi.
4. Nur Amalina Binti Ahim, pelajar tahun satu Pusat Pengajian Ilmu Kemanusian. Tarikh ditemu bual pada 24 Mei 2018, 10:00 pagi.

#### **3.2 Kadeah Kepustakaan**

Selain itu, kami juga menggunakan kaedah kepustakaan untuk mencari beberapa maklumat yang kami perlukan. Kami menggunakan buku-buku yang terdapat di Perpustakaan Hamzah Sendut dan Perpustakaan Hamzah Sendut 1. Selain itu, kami juga melayari lama sesawang untuk mendapatkan beberapa pantun yang berkaitan dengan tajuk kami. Berikut merupakan buku dan laman sesawang yang kami gunakan.

1. Pantun Melayu Sarawak
2. Sosiolinguistik Bahasa Melayu
3. Pantun Melayu Sarawak

4. Pengantar Bahasa dan Komunikasi
5. <https://pantunseribu.blogspot.my/2014/09/pantun-melayu-pantun-melayu-serawak.html>, diakses pada 16 April 2018, 11:00 pagi.
6. <http://dporp.blogspot.my/2009/07/pantun-sarawak.html>, diakses pada 17 April 2018, 10:00 pagi.
7. <http://gendangsiney.blogspot.my/2016/05/pantun-gendang-mala-yu-sarawak.html>, diakses pada 20 April 2018, 2:00 petang.
8. <http://pan-tun.blogspot.my/2011/09/pantun-sarawak-bergendang-bermukun.html>, diakses pada 21 April 2018, 8:00 pagi
9. <http://beautifulmedina.blogspot.my/2011/05/juh-kita-berpantun.html>, diakses pada 1 Mei 2018, 10:00 pagi.

### 3.3 Kaedah Laman Sosial

Dalam menjalankan tugas ini, kami juga menggunakan kaedah laman sosial. WhatsApp merupakan medium yang kami gunakan untuk berhubung dengan pihak responden. Selain itu, kami juga menggunakan kaedah panggilan telefon untuk mendapatkan maklumat dari responden yang berada di Sarawak untuk bertanyakan serba sedikit berkaitan dengan adat berpantun yang digunakan oleh masyarakat Melayu Sarawak di Sarawak. Berikut merupakan responden yang kami temui bual melalui panggilan telefon.

1. Hajah Jamaya Binti Haji Abang, panggilan telefon bertarikh 17 April 2018, 10:00 pagi.
2. Hairiah Binti Junaidi, panggilan telefon bertarikh 20 April 2018, 10:00 pagi.

#### **4.0 SENARAI AHLI DAN SKOP TUGASAN**

JAWATAN	NAMA
KETUA KUMPULAN	IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI
PENOLONG KETUA KUMPULAN	MOHAMAD HANIF BIN MOHD NOOR
MULTIMEDIA	MASYITAH KARATE IMAN BINTI MOHAMAD ZAWAWI GRACE ANAK GERAMAN
PENULISAN	KARTINI BINTI ISMAIL MASLIANA BINTI ABDUL LEMIN
TUGAS-TUGAS AM	JURIANA BINTI ISMAIL

Semasa menjalankan tugas ini, kami telah membahagikan skop tugas masing-masing untuk melaksanakan kerja. Kami telah bersepakat untuk memilih seorang ketua kumpulan dan seorang penolong ketua kumpulan dalam menjayakan tugas ini. Bagi bidang tugas seorang ketua kumpulan, ketua hendaklah mendengar taklimat dan input daripada pensyarah. Sebagai seorang ketua juga perlu mengetuai setiap sesi perbincangan bersama ahli kumpulan. Selain itu, ketua berperanan untuk memastikan setiap ahli melaksanakan kerja.

Penolong ketua kumpulan pula menjalankan tugas sebagai pengganti ketua dalam sesi taklimat bersama pensyarah apabila ketua tidak dapat menghadiri taklimat tersebut. Penolong ketua juga telah membahagikan tugas-tugas kepada ahli kumpulan yang lain seperti multimedia, penulisan dan tugas-tugas am.

Bagi multimedia, ahli yang berperanan menjalankan tugas untuk menghasilkan video yang menarik mengikut kesesuaian tajuk. Kami sekumpulan telah menjalankan lakonan ringkas berkaitan dengan tajuk seterusnya tugas ahli multimedia untuk menghasilkan dan mendokumentasikan video yang menarik dan mengikut format yang ditetapkan hasil daripada lakonan tersebut.

Bagi penulisan pula, kesemua ahli terlibat dalam proses penulisan. Namun terdapat beberapa ahli yang dilantik untuk berperanan mengumpu, menulis dan mengaudit kesemua penulisan eseai untuk menggabungkan satu eseai yang lengkap.

Tugas-tugas am juga memainkan peranan seperti mencari maklumat tambahan, menemu bual responden dan membantu ahli tugasan yang lain.

## 5.0 DAPATAN KAJIAN

BIL	Pantun	Makna	Huraian	Senario	Terma Psikologi
1	<p>Sapa madah Maimunah laju, Lebih laju kapal simanggang, Siapa madah kamek mengkudu, Lebih mengkudu abang seorang.</p> <p>Siapa cakap Maimunah laju, Lebih laju kapal simanggang, Siapa bilang saya gatal, Lebih gatal abang seorang.</p>	Nasihat seorang perempuan terhadap lelaki yang gatal.	<p>Seorang lelaki sebenarnya mahu mengurat seorang perempuan dengan cara berbual dengannya. Seorang lelaki tersebut menggunakan pendekatan dengan mengatakan perempuan itu gatal semata-mata hanya untuk menarik perhatiannya.</p>	<p>Kebiasaannya, pantun ini digunakan semasa adat bermukun. Adat bermukun merupakan aktiviti hiburan ketika berlangsungnya majlis perkahwinan. Ia kebiasaannya dilangsungkan pada malam sebelum hari persandingan mempelai dan kini turut dimainkan jika ada keraian atau majlis keramaian umum di seluruh sarawak.</p> <p>Pantun ini merupakan pantun yang dibalas oleh pihak perempuan setelah pihak lelaki melontarkan sebuah pantun terlebih dahulu. Pihak lelaki menyatakan bahawa pihak perempuan gatal, maka pihak perempuan menafikan</p>	<p><b>Tingkah laku-</b> perbuatan seseorang yang dipengaruhi oleh pemikiran. Contoh, tindakan seseorang lelaki yang mahu mengurat seorang perempuan menyebabkan dia berfikir untuk memulakan perbualan dengan mengatakan perempuan itu gatal.</p> <p>Sebagai contoh, pihak dari sebelah Aminah membala pantun pihak dari sebelah Ahmad dengan menafikan kenyataan Ahmad yang</p>

			bahawa pihak lelaki yang sebenarnya lebih gatal.	menyatakan dirinya gatal.
2	<p>Apek tua menjajak sireh, Sireh dijajak denganlah budu; Cantek molek kamek sik mileh, Asal jangan mata mengkudu.</p> <p>Lelaki tua yang berbangsa cina, Sirih dijaja bersama budu, Cantik molek saya tak pilih, Asal mata jangan keranjang.</p>	<p>Kecantikan bukanlah satu pilihan dalam bercinta.</p>	<p>Luahan hati seorang lelaki yang menyatakan bahawa dirinya tidak memilih rupa dalam bercinta dengan seorang perempuan. Lelaki tersebut menyatakan lagi bahawa walaupun rupa tidak molek, asalkan perangai seorang perempuan itu tidak mata keranjang cukup memadai untuknya dalam hubungan percintaan.</p>	<p>Kasim meluahkan perasaannya dengan menyatakan bahawa dia tidak memilih rupa dalam bercinta. Tambahan lagi, Kasim menyatakan lagi bahawa, dia tidak memilih rupa yang elok sebaliknya asalkan perangai seorang perempuan tersebut tidak mata keranjang. Walaupun rupa Aminah, wanita yang Kasim cintai tidakla secantik perempuan lain, namun perangai Aminah yang sopan santun dan berakhhlak mulia menjadi idaman Kasim. Aminah seorang yang tidak mata keranjang malahan seorang perempuan yang baik. Bagi Kasim, tidak guna perempuan cantik tetapi</p> <p><b>Penarikan-</b> sesuatu daya tarikan yang menyebabkan seseorang tertarik atau minat dengan seseorang yang lain. Contohnya, seorang lelaki memilih wanita disebabkan oleh perangainya bukan disebabkan oleh kecantikkannya</p> <p>Sebagai contoh kisah Kasim yang mencintai Aminah walaupun Aminah memiliki rupa yang tidak secantik perempuan lain. Bagi Kasim, rupa Aminah tidak penting, yang</p>

				tidak memiliki sifat yang mulia.	penting adalah sifat yang baik dan tidak mata keranjang.
3	Anak manok terciak ciak, Anak bekut empirok bah batang;  Orangnya tua macam nembiak, Siknya sedar maut mok datang.  Anak ayam sedang berkokok, Anak kera menyorok di bawah pokok,  Orang tua berperangai seperti budak,  Tidak sedar maut menanti.	Nasihat kepada orang tua.	Orang dewasa dinasihati supaya sentiasa berfikiran matang. Orang dewasa tersebut diperingatkan untuk berbuat sedemikian kerana mereka sudah pun berusia. Tambahan lagi, semakin dewasa seseorang itu, semakin dekat ajalnya.	Orang tua sering dinasihati agar sentiasa berkelakuan matang sepanjang masa. Hal ini demikian, umur mereka sudah tidak sesuai lagi untuk bersikap seperti kanak-kanak. Tambahan lagi, orang tua ini dinasihati sedemikian kerana ajalnya suda menghampiri.  Sebagai contoh, Pak Ahmad yang sudah tua masih lagi berperangai seperti anak muda iaitu masih lagi merokok, melepak, tidak berkerja dan merayau di kampung. Penduduk kampung menasihatinya agar tidak mengikuti budaya anak muda di kampung ini kerana	<b>Kognitif-</b> tahap pemikiran seseorang yang mempengaruhi perbuatannya.  Sebagai contoh, perbuatan Pak Ahmad yang mengikuti budaya anak muda sedangkan dirinya sudah tua dan ajal mendekatinya.

				umurnya sudah tua dan ajal semakin mendekatinya.	
4	<p>Abang johan mandik terjun, Mandik terjun di wap Kabong; Jangan diamal mandik berembun, Tumbuh bulu menjadi burung.</p> <p>Abang Johan mandi sambil terjun, Mandi terjun di Kolam Kabong, Jangan diamal mandi berembun, Nanti tumbuh bulu seperti burung.</p>	<p>Larangan mandi dengan air sejuk kerana takut jatuh sakit.</p>	<p>Nasihat orang tua supaya tidak mandi dengan menggunakan air sejuk. Hal ini demikian kerana air sejuk dikuatirinya dapat meremangkan bulu romanya dan mengakibatkan seseorang itu mudah untuk jatuh sakit.</p>	<p>Pantun ini kebiasaannya digunakan untuk memberi amaran kepada seseorang. Dengan erti kata lain, pantun ini digunakan untuk menakut-nakutkan seseorang. Seseorang dilarang agar tidak mandi dengan menggunakan air sejuk kerana dikuatirinya akan mudah jatuh sakit. Di akhir pantun ini, tumbuh bulu menjadi burung merupakan ayat metafora yang digunakan untuk menakutkan seseorang. Bagi sesiapa yang mandi menggunakan air sejuk, badannya akan tumbuh bulu seperti burung.</p> <p>Sebagai contoh, ibu</p>	<b>Amydal-</b> satu komponen otak yang mengawal perasaan dan tafsiran terhadap rangsangan seperti nasihat dan teguran. Contohnya, nasihat ibu kepada adik agar tidak mandi menggunakan air sejuk untuk kebaikan bersama.

				memarahi adik agar tidak mandi menggunakan air sejuk. Ibu menakutkannya dengan menyatakan bahawa mandi air sejuk akan mengakibatkan badannya tumbuh bulu seperti burung.	
5	Buah asam buah keranji,  Burung apa terbang sekawan;  Teguh iman memegang janji,  Laksana pakuk lekat di papan.   Buah manga buah keranji,  Burung apa terbang sekawan,  Teguh iman memang janji,  Seperti paku terpahat di papan.	Jangan memungkiri janji terhadap orang lain.	Seseorang dinasihatkan supaya tidak memungkiri janji yang sudah diungkapkan. Hal ini demikian kerana janji merupakan suatu amanah bagi orang yang mempunyai agama dan iman.	Ibu menasihati adik untuk tidak memungkiri janji yang telah diungkapkannya kepada sesiapa pun. Setelah adik melangkah ke alam sekolah menengah, adik telah berjanji dengan ibu untuk belajar bersungguh-sungguh sehingga ke menara gading. Walau pun terdapat pelbagai anasir-anasir luar yang cuba mengganggu adik untuk mencapai kejayaan, namun adik tetap berpegang teguh untuk mencapai hasratnya untuk berjaya dan seterusnya	<b>Kognitif-</b> tahap pemikiran seseorang dalam mempelajari sesuatu yang baharu. Contohnya, seseorang diajar untuk pegang pada janji kerana mencerminkan tahap penguasaan.  Sebagai contoh janji adik terhadap ibu untuk belajar bersungguh-sungguh demi mencapai

				membanggakan ibu.	kejayaan.
6	Apa ditakut kayu beringgut, Batang padi duak serumpun;  Apa ditakut main berebut, Sapa berani nyalah empun.  Apa ditakutkan kayu bergoyang,  Batang padi dua serumpun;  Apa ditakutkan main berebut,  Siapa berani dialah punya.	Bersaing untuk mendapatkan sesuatu.	Siapa yang memberanikan diri untuk bersaing, dialah yang memiliki apa yang diinginkan.	Dalam bersaing, keberanian haruslah ada pada seseorang dalam usaha mendapatkan apa yang diinginkan. Contohnya, jika seseorang ingin mendapatkan keputusan peperiksaan yang cemerlang, individu tersebut mestilah berusaha dengan melakukan pelbagai cara seperti berani bertanya jika tidak tahu, bersaing secara sihat dengan rakan-rakan dan sebagainya.  Sebagai contoh Ahmad yang menginginkan tempat pertama dalam kelas berusaha dengan bersungguh-sungguh demi mencapai kejayaan.	<b>Kebijaksanaan analitik-</b> ilmu pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan seseorang berfikir secara kritikal dan analitikal untuk menyelesaikan masalah atau mendapatkan sesuatu.  Sebagai contoh Ahmad berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan tempat pertama di dalam kelas.
7	Mauk ke pulo nisik bersampan,	Hubungan yang dibimbangi melukakan	Hendak bergurau dengan kawan tetapi kawan tersebut	Seseorang itu ingin bergurau dengan seseorang kawan	<b>Keyakinan diri-</b> keyakinan diri yang

	<p>Ada sampan tebin seberang; Hendak berguro nisik berkawan, Ada kawan kekaseh orang.</p> <p>Hendak ke pulau tidak bersampan,</p> <p>Ada sampan tapi diseberang;</p> <p>Hendak bergurau tidak berkawan,</p> <p>Adapun kawan tetapi kekasih orang.</p>	insan lain	<p>merupakan kekasih orang.</p> <p>tetapi bimbang kawan tersebut merupakan kekasih orang.</p> <p>Ali kini hidup menyepi. Dia ingin menjadikan Aminah sebagai teman hidupnya. Ali teringin sekali bergurau dengan Aminah sepanjang masa. Namun demikian, Aminah sudah berpunya.</p>	<p>rendah untuk berbicara secara mesra dengan kawan walaupun kawan tersebut sudah menjadi milik orang. Hal ini kerana seseorang itu bimbang akan merosakkan hubungan rakannya itu jika mereka berbicara dengan mesra.</p> <p>Sebagai contoh Ali ingin menjadikan Aminah sebagai teman hidupnya. Ali teringin sekali bergurau dengan Aminah sepanjang masa. Namun demikian, Aminah sudah berpunya.</p>
8	Buah nangka tegali-gali,	Jangan hanya menilai	Orang alim yang disangka baik, rupanya berperwatakan	Perwatakan luaran seseorang yang warak tidak seseorang sukar

	Cucor temedak baruk dipolah;  Sik ku sangka sekali-kali,  Urang alim pande berolah.   Buah nangka digali-gali,  Cucur cempedak baru dibuat;  Tidak ku sangka sekali-kali,  Orang alim rupanya tidak sopan.	seseorang dari luaran	tidak bertatatertib.	menggambarkan perangai sebenarnya. Pantun ini sebenarnya digunakan untuk menyindir seseorang yang yang bersifat warak. Kewarakan yang ditunjuknya dari luaran tidak menggambarkan dirinya yang sebenar dari dalaman. Ali yang bersikap warak namun masih lagi mengusik para wanita yang bukan muhrim.	ditentukan dengan hanya menilai pada luaran sahaja. Untuk lebih memahami tentang identiti seseorang, individu tersebut harus lebih mengenali seseorang dengan lebih mendalam bukan hanya menilai dari paras rupa, pemakaian dan sebagainya.   Sebagai contoh sifat Ali yang walaupun warak, namun masih lagi mengusik wanita yang bukan muhrim.
9	Sayang meranti kayu bergetah,  Dipolah tiang kayu berlubang;	Kesangguppan seseorang untuk menunggu orang yang disayang setelah sekian	Penantian terhadap seseorang yang dicintai agak lama tetapi jika ditinggalkan terasa sayang.	Seorang kekasih yang sanggup menunggu insan yang dicintai walaupun	<b>Perasaan-</b> perasaan dalaman yang menghasilkan tingkah laku seseorang. Kasih

	<p>Maok kunantik terlalu betah, Maok ku tinggal terasa sayang.</p> <p>Sayang meranti kayu bergetah, Dibina tiang kayu berlubang;</p> <p>Ingin ku tunggu terlalu betah, Ingin tingga terasa sayang.</p>	<p>lama tetapi sayang terhadap orang tersebut masih tidak berubah.</p>		<p>mengambil masa yang lama.</p>	<p>sayang yang ada dalam diri seseorang itu membuatkan individu tersebut sanggup menunggu orang yang disayang walaupun ia mengambil masa yang lama.</p>
10	<p>Kapal berlayar di laut biru, Kain berlipat di atas peti;</p> <p>Udahnya dapat orangnya baru, Urang lamak buang ke tepi.</p> <p>Kapal berlayar dilaut biru, Kain berlipat di atas peti;</p> <p>Sudahnya dapat orang baru, Orang lama dibuang ke tepi</p>	<p>Meninggalkan seseorang rakan setelah menemui rakan yang baru.</p>	<p>Sudah menjumpai teman yang baharu, kawan yang lama terus ditinggalkan.</p>	<p>Pantun ini digunakan untuk memberi sindiran ke atas kawan yang meninggalkan sahabat yang dikenali lama setelah menemui sahabat yang baharu. Keadaan ini jelas menggambarkan apabila seseorang itu meninggalkan atau melupakan sahabatnya lalu kerana kehadiran orang baru dalam hidupnya.</p>	<p><b>Hubungan persahabatan-</b> hubungan ini melibatkan dua individu yang sangat akrab sehingga mereka boleh berkongsi masalah, perasaan dan banyak lagi. Namun ia akan menimbulkan masalah jika salah seorang menemui rakan yang baru dan meninggalkan rakan</p>

			<p>Sebagai contoh sikap Aisyah yang melupakan sahabat lamanya, Asyikin setelah dia berpindah ke sekolah baru.</p>	<p>yang lama.</p> <p>Sebagai contoh, Aisyah yang melupakan Asyikin setelah mendapat ramai kawan di sekolah baharu.</p>
11	<p>Sungei Bintangor jauh ke darat, Apong hanyut berbelah duak; Kitak ke timur kamek ke barat, Ada suratan bertemulah juak.</p> <p>Sungai Bintangor jauh ke darat, Batang apung berbelah dua, Awak di timur saya di barat, Ada suratan bertemu juga.</p>	<p>Sejauh mana sekalipun dua individu terpisah, namun sekiranya sudah ditentukan takdir dan nada jodohnya pasti akan bertemu juga.</p>	<p>Sepasang kekasih yang secara fizikalnya duduk berjauhan dan berasingan antara satu sama lain. Jarak yang memisahkan mereka diakui telah menguji perhubungan namun mereka saling mempercayai bahawa jodoh dan takdir mereka untuk bersama sangat kuat. Sekalipun secara fizikalnya mereka terpisah namun jauh di sudut hati mereka tetap bersama selamanya.</p>	<p>Amin dan Aminah merupakan pasangan kekasih yang duduk jauh terpisah antara satu sama lain. Hal tersebut berlaku kerana Amin dapat melanjutkan pelajaran ke luar negara selama 4 tahun sedangkan Aminah meneruskan pengajiannya di universiti tempatan sahaja. Walaubagaimanapun, jarak tersebut tidak mematahkan semangat mereka untuk bersama semula pada suatu hari nanti kerana mereka</p> <p><b>Kognitif-</b> Tahap pemikiran positif seseorang yang membawa kepada lahirnya keyakinan dan kepercayaan dalam diri.</p> <p>Sebagai contoh Amin dan Amina yang terpisah jauh tetapi ia tidak mematahkan semangat mereka untuk bersama semula pada suatu hari nanti kerana</p>

				percaya dan yakin pada takdir bahawa mereka sudah ditakdirkan untuk bersama jua.	mereka percaya dan yakin pada takdir bahawa mereka suda ditakdirkan untuk bersama.
12	Ros kalas astana raja, Astana raja negeri sebelah;  Samalah tuan kamek pun masih belajar,  Silap dan salah maaf jaklah.   Ros merah jambu istana raja, Istana raja dinegeri sebelah;  Sama tuan saya pun masih belajar,  Silap dan salah harap dimaaf	Seseorang yang memohon maaf kepada orang lain sekiranya melakukan kesilapan kerana dirinya masih mentah dan masih belajar perkara baharu.	Permohonan maaf seseorang kepada orang sekelilingnya terutama yang lebih tua daripadanya. Mereka merendahkan diri dengan meminta maaf sejak awal lagi kerana bimbang akan persepsi orang lain sekiranya kesalahan dilakukan. Hal ini demikian kerana orang sekeliling tidak mengetahui bahawa mereka masih lagi belajar dan mencuba benda baharu. Namun jauh di dalam diri, mereka sedar bahawa mereka perlu melakukan yang terbaik.	Afiq baru sahaja diterima masuk untuk melakukan praktikalnya atau latihan industri di salah sebuah syarikat terkemuka di ibu negara. Menyedari dirinya masih mentah dan tidak berpengalaman, dia meminta tunjuk ajar daripada rakan sekerjanya yang lebih tua dan memohon maaf sekiranya melakukan sebarang kesilapan.	<b>InsintriK-</b> Perasaan dalaman diri yang berasa rendah diri yang melahirkan perwatakan luaran.  Tindakan Afiq yang menyedari bahawa dirinya masih mentah dan tidak berpengalaman, dia meminta tunjuk ajar daripada rakan sekerjanya yang lebih tua dan memohon maaf sekiranya melakukan sebarang kesilapan.

	Pergi ke sawah menampi padi, Takut hampa dimakan pipit; Iboj gilak diturutkan hati, Takut kelak jadi penyakit	Jangan terlalu mengikut perasaan kerana bimbang akan membahayakan diri sendiri di kemudian hari	Seseorang itu dinasihatkan agar melakukan sesuatu secara berpada-pada dan tidak berlebihan. Sekiranya kita terlalu mengikut perasaan dan tidak menggunakan akal fikiran sebaiknya, dibimbangkan akan mengundang perkara yang memudarangkan diri sendiri dan juga orang lain. Segala perkara yang hendak dilakukan sentiasa diingatkan agar bersederhana sahaja.	Azmil berasa sangat marah terhadap seorang pemuda kerana tanpa sengaja telah melanggar keretanya ketika hendak bertolak ke tempat kerjanya. Dalam keadaan tekanan kerana bimbang terlewat dan mengejar masa, dia mungkin melepaskan kemarahan semahunya terhadap pemuda tersebut kerana telah menyebabkan kerosakan. Namun, dia bertenang dan tidak terlalu mengikutkan hati dan perasaan sebaliknya berfikir secara rasional dan menyelesaikannya secara berhemah.	<b>Kognitif-</b> Tahap pengawalan pemikiran yang rasional yang membawa kepada perlakuan positif dan terkawal.
13	Pergi ke sawah menampi padi, Takut hampa dimakan pipit; Jangan terlalu mengikut perasaan, Takut nanti jadi penyakit			Azmil yang terus bertenang dan tidak terlalu mengikutkan hati dan perasaan sebaliknya berfikir secara rasional dan menyelesaikan masalahnya secara berhemah apabila seorang pemuda itu melanggar keretanya.	
14	Rumah lamak di bawah gunung, Kayu dimakan ane-ane;	Mana-mana pasangan kekasih tidak perlu risaukan akan apa-apa cabaran kerana sekiranya sudah tertulis	Semua insan yang sedang bercinta pasti akan berhadapan dengan pelbagai rintangan dan halangan. Namun, kegusaran dan kerisauan dalam hati	Tempoh perkenalan dan percintaan antara Hakim dan Saadiah adakalanya diduga dengan pelbagai cabaran. Situasi itu menyebabkan	<b>Keyakinan-</b> Rasa yakin dan percaya akan sesuatu seperti takdir, kemampuan dan kebolehan serta segala

	<p>Ati susah iboh dibinggong, Mun dah jodoh sik ke sine.</p> <p>Rumah lama di bawah gunung, Kayu dimakan anai-anai;</p> <p>Hati yang gusar jangan dirisau.</p> <p>Kalau dah jodoh tidak ke mana.</p>	<p>mereka berjodoh, pasti akan bersama jua akhirnya.</p>	<p>tersebut tidak perlu terlalu dilayangkan kerana hanya akan menggoyahkan keyakinan hati. Sebaliknya, mereka perlu yakin dan percaya akan jodoh masing-masing kerana takdir dan pertemuan segalanya di tangan Tuhan. Sekiranya pasangana dalam jodoh mereka, mereka pastinya akan bersama jua.</p>	<p>mereka terkadang risau dan gusar akan hubungan yang dibina sekian lama tersebut tidak menjadi seperti yang dirancang. Namun, Hakim sedar dan meyakinkan pasangannya agar jangan terlalu bimbang sebaliknya yakin dengan segala yang ditentukan.</p>	<p>yang etrjadi berlaku atas sesuatu sebab.</p> <p>Hakim sedar dan begitu yakin dengan perhubungannya bersama Saadiah. Hakim menyedarkan dan meyakinkan pasangannya agar jangan terlalu bimbang sebaliknya yakin dengan segala yang ditentukan.</p>
15	<p>Sayang Simunjan tanahnya singit,</p> <p>Dasan urang mengunjang kota;</p> <p>Jangan kelaka sampai ke langit,</p> <p>Kelak urang membenci kita.</p>	<p>Apabila kita bercakap dengan orang biarlah bersederhana dan tidak terlalu berlebihan atau dalam erti kata lain berunsurkan riak kerana bimbang akan dibenci orang lain.</p>	<p>Dalam setiap bicara dan percakapan, kita perlulah mengawal dan menuturkannya secara sederhana sahaja. Hal ini bermakna, kita tidak perlu bercakap besar dan berbangga akan diri sendiri di hadapan orang lain kerana akan menimbulkan kebencian dalam</p>	<p>Hazim tidak berapa disukai oleh rakan-rakannya kerana sikapnya yang gemar bercakap besar akan diri sendiri dan kebolehan yang dimilikinya. Kadang-kala dia menceritakan perkara yang berlebihan akan dirinya mengenai kehebatan dan</p>	<p><b>Sikap-</b> Perlakuan yang menggambarkan diri sendiri dan pandangan orang sekeliling terhadap diri kita.</p> <p>Sikap hakim yang gemar bercakap besar</p>

	<p>Sayang Simunjang tanahnya senget, Tempat orang membina kota; Jangan cakap sampai ke langit, Nanti orang membenci kita</p>		<p>diri orang lain. Sebaiknya, kita perlu berpada-pada dan bersederhana sahaja.</p>	<p>kemampuannya sedangkan perkara itu tidak benar dan ditokok tambah sahaja. Perkara tersebut menyebabkan rakan-rakannya menjauhkan diri daripadanya kerana sikapnya yang buruk itu.</p>	<p>akan diri sendiri dan kebolehan yang dimiliknya telah menjadikan beberapa orang rakannya tidak menyukainya.</p>
16	<p>Patah taman nulok kedondong, Taman bernama intan baiduri; Bukannya salah mak mengandong, Salahnya dari kamek sendiri.</p> <p>Patah galah menjolok buah kedondong, Taman bernama intan baiduri; Bukannya salah ibu mengandung,</p>	<p>Kesalahan yang dilakukan datangnya dari sendiri.</p>	<p>Asuhan dan didikan seorang ibu dihiraukan menyebabkan diri sentiasa membuat kesalahan. Segala kecuaian dan kesalahan yang dilakukan datangnya dari sikap lalai sesorang individu.</p>	<p>Seseorang yang kerap melakukan salah kerana sering tidak mendengar nasihat dari kedua orang tuanya.</p> <p>Sebagai contoh sikap adik yang nakal telah menyebabkan dirinya terjatuh dari tangga. Sifatnya itu datangnya dari kenakalan dirinya dan sikapnya yang degil dan tidak mendengar nasihat.</p>	<p><b>Tingkah laku-</b> tindakan, tindak balas, atau prestasi yang dilihat atau diukur oleh orang lain.</p> <p>Sebagai contoh sikap adik yang nakal dan degil akan nasihat ibu menyebabkan dia terjatuh dari tangga.</p>

	Salahnya dari saya sendiri.				
17	Rona kalas kain di temu, Diolel mak baju sari;  Iboh lokek berkongsi ilmt, Berkalan mati dudi hari.  Warna merah jampu kain di jumpa,  Dijadikan ibu baju sari, jangan kedekut berkongsi ilmu,  Sebagai bekalan kemudian hari.	Jangan kedekut untuk berkongsi ilmu dengan orang lain.	Ilmu yang ada haruslah dikongsi bersama agar dapat menjadi bekalan akhirat. Sikap kedekut untuk menyampaikan ilmu akan membinasakan diri suatu hari nanti.	Pantun ini digunakan untuk memberi nasihat kepada semua individu agar tidak bersikap kedekut apabila mempunyai banyak ilmu pengetahuan.  Sebagai contoh, Aqilah merupakan pelajar pandai yang selalu mendapat tempat pertama di dalam kelas. Kepandaian yang dimilikinya ini tidak membuatkan dia riak dan kedekut, malah ilmu yang ada pada dirinya dikongsi dengan rakan yang lain.	<b>Kecerdasan-</b> kebolehan yang diperlukan untuk melaksanakan tingkah laku adaptif yang diarahkan oleh matlamat dalam persekitaran seseorang.  Sebagai contoh sikap Aqilah yang tidak kedekut sentiasa membantu rakannya dengan memberikan ilmu yang bermanfaat.
18	Adik beradik sama disayang, Makan dan pake sama dikongsi, Jangan sekali lupak semayang, Supaya ati sentiasa bersih,	Jangan meninggalkan kewajipan kita sebarang orang muslim di muka bumi.	Jika kita berpegang kepada ajaran Allah, kita akan terhindar daripada melalukan dosa. Sembahyang merupakan	Pantun ini digunakan untuk memberi kesedaran kepada semua orang yang beragama islam. Pantun ini digunakan	<b>Nilai – matlamat yang</b> dianggap baik dalam diri mereka sendiri.  Sebagai contoh hati

	<p>Adik beradik sama disayang, Makan dan pakai sama dikongsi, Jangan sesekali lupa sembahyang, Supaya hati sentiasa bersih.</p>	<p>satu kewajipan bagi seseorang muslim. Sembahyang merupakan tiang agama yang perlu dilaksanakan oleh semua orang.</p>	<p>untuk memberi peringatan kepada semua orang agar tidak meninggalkan kewajipan kita sebagai orang islam di muka bumi. Pantun ini juga memberikan kebaikan kerana memperingatkan bahawa jika kita melakukan kewajipan sebagai seorang muslim, nescaya hati kita akan sentiasa bersih.</p>	<p>kita aka sentiasa bersih apabila kita menunaikan kewajipan kita sebagai seorang muslim.</p>
19	<p>Turun ke kalan nak meli ikan, Ikan dibeli ikan tenggiri, Terimak kaseh kamek ucapan, Semoga kitak murah rezeki,</p> <p>Pergi ke pengkalan hendak membeli ikan, Ikan dibeli ikan tenggiri, Terima kasih saya ucapan semoga awak murah rezeki</p>	<p>Ucapakan terima kasih yang ditujukan kepada seseorang yang telah banyak membantu.</p>	<p>Kita seharusnya mengucapkan terima kasih kepada orang yang membantu dan menghadih sesuatu kepada kita serta mendoakan tangan yang memberi itu dimurahkan rezeki oleh-Nya.</p>	<p>Setiap kali menerima pertolongan atau hadiah daripada orang, kita hendaklah mengucapkan terima kasih kepadanya supaya mereka berasa dihargai.</p> <p>Sebagai contoh, Masliana sentiada mengucapkan ucapan terima kasih kepada</p> <p><b>Nilai-</b> matlamat yang dianggap baik dalam diri mereka sendiri. Contohnya Masliana sentiasa mengucapkan ucapan terima kasih terhadap jirannya yang selalu menjaga rumahnya apabila dia pergi berkerja.</p>

				jirannya kerana telah membantu memantau rumahnya apabila Masliana pergi berkerja.	
20	Kacak rompuan Melayu Banjar, Molah tapei make ragi, Jaoh mak bapak ngantar belajar, Kelak senang sekda yang rugi,  Cantik wanita Melayu Banjar, Buat tapai guna ragi, Jauh ibu bapa hantar belajar, Nanti senang tiada yang rugi,	Kesenangan yang bakal dirasai apabila mendapat pendidikan yang tinggi	Janganlah kita mensia-siakan harapan ibu bapa yang rela berjauhan dengan kita demi melihat kita berjaya dalam pelajaran kerana kesenangan yang diperoleh suatu hari nanti adalah berbaloi.	Ibu bapa merelakan anaknya pergi jauh menuntut ilmu, demi kesenangan pada masa hadapan.  Ibu dan ayah bersepakat menghantar kakak untuk melanjutkan pelajarannya di luar negara. Ibu dan ayah berharap agar kakak dapat menyenangkan hidup kami sekeluarga.	<b>Kepercayaan-</b> penerimaan mental sesuatu yang benar.  Ibu dan ayah yakin terhadapa kakak yang melanjutkan pelajaran di luar negara mampu memberi kesenangan kepada keluarga suatu hari kelak.
21	Tanak nasi si beras Biras, Beras mirah dari Simunjan, Parah hati kedak dihiris, Kamek sudah putus harapan.	Hilang harapan sebab hati dilukai.	Seseorang yang hatinya dilukai sehingga menyebabkan dirinya putus harapan untuk hidup. Parah hati kedak dihiris dalam pantun bermaksud hati seseorang berada dalam	Keadaan Ahmad yang sedang bersedih kerana seseorang telah melukakan hatinya. Hatinya kini bagaikan dihiris oleh sebilah pisau yang tajam. Kesakitan	<b>Perasaan-</b> suatu tindak balas otak manusia terhadap persekitaran yang menghasilkan memek muka.

	Tanak nasi si beras Biras, Beras merah dari Simunjan, Parah hati bagai dihiris, Saya sudah putus harapan.		kesakitan yang melampau sehingga dia berasa tiada lagi peluang baginya.	yang dialaminya ini menyebabkan Ahmad tidak mempunyai harapan lagi. Sebagai contoh, kekasih Ahmad yang dicintai berlaku curang dibelakangnya padahal wanita tersebut merupakan wanita yang diidamkan olehnya untuk dijadikan isteri.	Contohnya, Ahmad mempunyai persaan sedih kerana tidak mencapai apa yang dingatkannya dengan menunjukkan memek muka yang gusar.
22	Dayung sampan ke Balai Ringin, Terbang belian berkulit puteh, Wahai bulan dan juga angin, Sampeikan pesan penyambung kaseh.	Sampaikan pesan buat kekasih.	Seseorang yang mengutus salam dan cinta untuk kekasihnya dengan harapan ia akan berkekalan dan berpanjangan.	Perbualan Abu dengan teman kekasihnya, Juwita.  Abu: “ Dayung sampan ke Balai Ringin, Terbang belian berkulit putih, Wahai bulan dan angin, Sampaikan pesan penyambung kasih.”	<b>Keyakinan-</b> suatu perasaan mahu yang mendalam untuk mendapatkan sesuatu yang dihajati.
	Dayung sampan ke Balai Ringin, Terbang Belian berkulit putih, Wahai bulan dan juga angin, Sampaikan pesan penyambung kasih.			Juwita: “ InshaAllah akan kamek sampaikan.”	Contohnya, Abu begitu yakin untuk meyampaikan salam kepada kekasihnya dengan harapan perasaannya dibalas.

	Tuan raja menunggang kuda, Putera bermain pangkalan api, Orang kaya dipandang mulia, Kamek miskin sikda yang sudi.	Orang kaya yang dipandang mulia berbanding dengan orang miskin dipandang rendah.	Lumrah dunia, orang yang mempunyai kedudukan tinggi akan dipandang mulia manakala orang yang miskin selalu ditindas dan tidak diendahkan.	Keadaan Sipuntun sangat daif sehingga dipandang hina oleh masyarakat. Kedaifan yang dialami oleh Sipuntun menyebabkan tiada satu orang pun yang berkawan dengannya kerana mereka malu terhadap Siputun.	<b>Egosentrik-</b> perasaan merasakan diri sendiri lebih baik daripada orang lain.  Contohnya, masyarakat sekeliling memandang Sipuntun dengan keadaan yang hina kerana merasakan mereka mempunyai gaya hidup yang lebih baik dan bertamadun.
23	Tuan raja menunggang kuda, Putera bermain unggul api, Orang kaya dipandang mulia, Saya miskin tiada yang sudi.				
24	Anak boyar iler betenang, Batang ke lubuk memakan bangkai, Hajat di hati nak pelok gunong, Apakan daya tangan sik sampei.  Anak buaya berenang tenang, Dating ke lubuk makan bangkai, Hajat di hati nak peluk gunung,	Harapan yang hancur kerana kelemahan diri sendiri.	Seseorang yang mempunyai harapan yang tinggi seperti mahu memeluk gunung namun tidak kesampaian kerana mempunyai kelemahan diri yang tidak dapat dielakkan.	Keadaan Ramli yang cacat membuatkan dirinya terbatas daripada melakukan banyak perkara. Kecacatan yang dialaminya ini membuatkan dirinya malu untuk berhadapan dengan orang lain. Ramli yang tidak berkeyakinan itu seterusnya memencilkan dirinya. Ramli berasa sedih kerana kesemua	<b>Keterbatasan-</b> satu tahap kekurangan diri yang membawa kepada batasnya suatu kemahuan.  Contohnya, Ramli yang cacat tidak dapat meneruskan cita-citanya dalam bermain bola sepak.

	Apakan daya tangan tidak sampai.			harapan yang diinginkannya tidak dapat dicapai sepenuhnya.	
25	Asur-asur sebuah payung, Pakaian orang menimang bagi, Panjang baru Gunung Santubong, Kamek sik lupa dengan janji.  Asur sebuah payung, Pakaian orang untuk meminang, Besar baru gunung Santubong, Saya tidak lupa dengan janji.	Seseorang yang sangat menepati janji.	Orang yang selalu menepati janji akan melakukan apa sahaja untuk menuaikan janji yang telah dibuat walaupun dilihat mustahil oleh orang lain.	Situasi antara Ali yang berjanji dengan bapanya untuk sentiasa memegang amanah dengan baik.  Bapa: Ali berjanjilah bahawa kamu akan sentiasa menjadi hamba yang amanah.  Ali: Asur-asur sebuah payung, Pakaian orang menimang bagi, Panjang baru Gunung Santubong, Kamek sik lupa dengan janji.	<b>Motivasi-</b> suatu daya penggerak untuk melakukan sesuatu.  Contohnya, Ali berasa sangat bersemangat untuk melaksanakan amanah ayahnya iaitu menjadi hamba yang baik.
26	Dari Miri pergi Labuan, Singgah belabuh di pagar Cekor,	Keinginan seseorang yang tidak tercapai.	Seseorang yang mempunyai keinginan namun apa yang dicapainya berbeza dengan	Sara mempunyai keinginan untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang perguruan.	<b>Takdir-</b> suatu yang tidak dapat dijangka dan mempunyai

	<p>Niat di hati menjulukkan bulan, Bulan dijuluk bintang indah yang gugur.</p> <p>Dari Miri pergi Labuan, Singgah berlabuh di pagar Cekor,</p> <p>Niat di hati menjolok bulan, Bulan dijolok bintang pula yang dapat.</p>	<p>apa yang diimpikan. Situasi ini sesuai dengan contoh yang diberikan iaitu menjolo bulan, tatapi bintaang yan gugur.</p>	<p>Setelah 4 tahun melanjutkan pelajaran di Universiti Malaysia Sabah, akhirnya Sara pun menamatkan pelajarannya.</p> <p>Setelah beberapa tahun selepas dia menamatkan pelajarannya, Sara telah menerima panggilan untuk menjadi pengawai bank di sesebuah syarikat. Jelas terbukti bahawa keinginannya untuk menjadi cikgu tidak dapat dicapai tetapi mendapat sesuatu yang berlainan.</p>	<p>maksud yang tersirat serta perkara yang lebih baik daripada yang diinginkan.</p> <p>Contohnya, Sara berhasrat untuk menjadi seorang guru namun, tidak tercapai kerana telah menjadi suatu takdir untuk dirinya.</p>
27	<p>Serindit burung di pantei, Urang bergalah luan perau, Tuan ceredit saya pun pandei, Kalah menang belom tahu.</p> <p>Burung Serindit di pantai, Orang mencari guna perahu, Tuan cerdik saya pun pandai,</p>	<p>Berbalahan antara dua orang yang sama tahap kemampuan.</p>	<p>Pertarungan antara dua orang yang mempunyai tahap kemampuan yang sama sehingga sukar untuk mengetahui siapa yang menang atau kalah.</p>	<p>Perbahasan antara Ramli dengan Sazali tiada bersudah. Masing-masing menunjukkan kemampuan dan kebijaksanaan sendiri menyebabkan sesuatu perkara tersebut tiada penghujungnya.</p> <p><b>Kebijaksanaan-</b> suatu keupayaan intelektual untuk mencapai apa yang dipelajari.</p> <p>Contohnya, keupayaan Ramli dan Sazali berdebat menunjukkan</p>

	Kalah menang belum tahu.			Masing-masing tidak menunjukkan kekurangan tersendiri kerana tidak mahu kelihatan menang dan kalah.	bahawa mereka mempunyai tahap kebiaksanaan yang cemerlang.
28	<p>Daun panjang-panjang sedepa, Diterbang orang minggu sayur, Siang dan malam sik lupa, Lupa sekejap diembak tidur.</p> <p>Daun panjang sedepa, Diterbang orang dibuat sayur, Siang dam malam tidak ku lupa, Lupa sekejap ku bawa tidur.</p>	<p>Seseorang yang berusaha untuk melupakan sesuatu.</p>	<p>Usaha seseorang untuk melupakan sesuatu yang tidak disukainya dengan sedaya upaya sehingga terbawa-bawa dalam tidur.</p>	<p>Dialog antara Aminah dengan ibunya yang menasihatinya supaya tidak terlalu memikirkan mengenai kekasihnya yang pergi meninggalkannya.</p> <p>Aminah: mak sudah lama aku merindukan abangku.</p> <p>Ibu: janganlah kau terlalu mengingatinya kerana ia sudah lama berlalu.</p> <p>Daun panjang-panjang sedepa,</p> <p>Diterbang orang minggu sayur,</p> <p>Siang dan malam endak lupa, Lupa sekejap dibawa tidur</p>	<p><b>Daya ingatan-</b> kebolehan fungsi otak untuk mengingati apa yang pernah terdaftar dalam minda seseorang.</p> <p>Contohnya, perasaan sayang yang kuat Amirah terhadap bekas kekasihnya menyebabkan dia sukar melupakan kekasihnya sehingga terbawa dalam mimpi.</p>
29	Kalau tuan ke Tanjung Batu,	Sesiapa usaha dia dapat.	Kesungguhan seseorang dalam	Kesungguhan Ayu dalam	Kemampuan- suatu

	<p>Sambil mengambil anak Pak Sarat, Kalau tuan maok tahu, Sapalah dolok nyalah dapat.</p> <p>Kalua tuan ke Tanjung Batu, Sambil mengambil anak Pak Sarat, Kalau tuan mahu tahu, Siapa usaha dialah dapat.</p>	<p>melakukan sesuatu kerja akan membawa hasil seperti yang diusahakannya.</p>	<p>Temasya Sukan Tahunan itu berjaya merangkul emas buat dirinya. Ayu bersungguh-sungguh demi mendapatkan emas dengan cara melakukan senaman setiap hari dan melakukan latihan berlari bersama dengan rakan-rakannya.</p>	<p>tahap yang membolehkan seseorang mempu mencapai keinginannya.</p> <p>Contohnya, Ayu telah membuktikan kemampuannya merangkul pingat emas dalam acara sukan tahunan itu.</p>
30	<p>Tempah kapak tempah baju, Pakei menebang kayu beduri, Tuan di atas ke puncak payung, Kamek di dibah menyerah diri.</p> <p>Tempah kapak tempah baju, Pakai untuk menebang kayu berduri, Tuan dia atas puncak payung, Saya di bawah merendah diri.</p>	<p>Perasaan rendah diri seseorang kepada seseorang yang lain.</p>	<p>Seseorang yang merasakan dirinya tidak mempunyai apa-apa jika dibandingkan dengan orang lain sedangkan dirinya sendiri mempunyai kelebihan tertentu. Hal ini demikian kerana, individu tersebut terlalu merendah diri dan kurang keyakinan diri.</p>	<p>Perbalahan antara Pangeran Indera Mahkota dengan British telah menyaksikan keadaan yang melibatkan dua kasta masyarakat iaitu golongan memerintah dan diperintah. Kegagahan dan kekuatan yang dimiliki oleh British telah menyebabkan Pangeran mIndera Mahkota merendahkan diri kerana tidak mampu mencapai sama</p> <p><b>Kognitif-</b> bentuk atau cara pemikiran manusia terhadap sesuatu.</p> <p>Contohnya, angeran Indera Mahkota merasakan dirinya rendah dan hina degna anggota British kerana dia berfikir dirinya seorang rakyat biasa.</p>

				seperti British.	
31	Makan lekak waktu Zuhur, Lebat sungguh daun Melati; Nasi sudah menjadi bubur, Taubat sebelum mati.  Makan selapas waktu Zuhur, Lebat sungguh daun Melati; Nasi sudah menjadi bubur, Taubat sebelum mati.	Nasihat agar sentiasa bertaubat.	Nasihat yang diberikan kepada seseorang agar sentiasa bertaubat. Pantun ini ditujukan kepada insan yang sering melakukan dosa. Sesuatu perkara yang lepas jangan dikenang, malahan perlu segera bertaubat.	Seorang pemuda yang sering melakukan kesalahan mencuri dan merompak berjaya ditangkap dan dijatuhkan hukuman penjara. Semasa keberadaannya di penjara, dia menyedari akan kekhilafannya. Pemuda itu merasa sangat menyesal akan perbuatannya yang akhirnya membinasakan dirinya sendiri. Setelah keluar dari penjara, pemuda itu bertekad untuk tidak melakukan kesilapan yang sama. Pemuda itu berjanji untuk sentiasa melakukan kebaikan dan sentiada bertaubat.	<b>Kesedaran:</b> Perbuatan seseorang yang tersedar daripada melakukan kesilapan atau insaf.  Sebagai contoh, pemuda yang bertaubat akan kesilapan yang dilakukannya dan berjanji untuk tidak melakukan perkara yang sama.
32	Di Gunung Murud helikopter terhempas, Embak penumpang menyukat hutan; Jasamu tuan sik terbalas,	Sentiasa berterima kasih atas jasa seseorang.	Pantun ini memberi penekanan kepada semua agar sentiasa berterima kasih atas jasa orang lain.	Kejayaan Amin menjadi seorang peguam merupakan atas tunjuk ajar dan nasihat daripada ibu bapa, guru dan rakan-rakannya yang tidak	<b>Nilai:</b> Perbuatan menghargai pertolongan orang lain.  Sebagai contoh Amin

	<p>Tetap abadi dalam ingatan.</p> <p>Di Gunung Murud helikopter terhempas,</p> <p>Bawa penumpang menyukat hutan;</p> <p>Jasamu tuan tidak terbalas</p> <p>Tetap abadi dalam ingatan.</p>		<p>akan dilupakan olehnya. Amin berasa bersyukur dengan pekerjaan yang dimilikinya. Amin tidak putus-putus mengucapkan terima kasih kepada insan-insan yang banyak membantunya. Sikapnya itu telah menunjukkan bahawa dia selalu mengenang jasa insan-insan yang banyak membantunya dan sentiasa abadi dalam ingatan..</p>	<p>yang berjaya sehingga ke hari ini sangat mengenang jasa insan-insan yang telah banyak membantunya. Kesemua pertolongan dan bimbingan yang diberikan berada dalam ingatannya..</p>
33	<p>Pagi-pagi menyusun bata, Untuk membuat rumah Mak Bidah; Apa lagi yang hendak kukelaka, Lekak terhantuk baru tengadah.</p> <p>Pagi-pagi menyusun bata, Untuk membuat rumah Mak Bidah; Apa lagi yang hendak kukata, Lepas terhantuk baru tengadah.</p>	<p>Sudah terkena baru tersedar.</p>	<p>Pantun ini memberi nasihat kepada seseorang agar sentiasa peka terhadap sekeliling mereka.</p>	<p>Sifat pelupa Aminah menyebabkan beliau terlupa hendak mengunci pintu utama rumah sebelum tidur. Hal ini menyebabkan rumah mereka berjaya dipecah masuk oleh perompak. Namun, mereka tidak mampu berbuat apa-apa kerana nasi sudah menjadi bubur. Kejadian pecah</p> <p><b>Kesedaran:</b> Perbuatan seseorang yang tersedar daripada melakukan kesilapan.</p> <p>Sebagai contoh akibat kelalaian diri Aminah sendiri, mereka sekeluarga mengalami kerugian yang terpaksa ditanggung.</p>

				masuk ini telah menyebabkan dia berasa menyesal kerana mengalami kerugian. Aminah berjanji agar tidak lalai lagi atas perbuatannya agar peristiwa sama tiak berulang lagi.	
34	Kain sarung pakaian pemuda, Pergi ngaji di waktu pagi; Iboh diikut perangai Belanda, Diberi sigek minta lagi.  Kain sarung pakaian pemuda, Pergi ngaji diwaktu pagi; Jangan diikut perangai Belanda, Diberi satu minta lagi.	Tidak bersyukur terhadap nikmat yang ada.	Pantun ini memberi nasihat agar sentiasa bersyukur dengan nikmat yang diberi oleh Pencipta.	Sikap Latifah yang tidak bersyukur dengan apa yang dimilikinya. Setelah ayahnya menghadiahkannya sebuah kereta mewah sempena hari jadinya, tetapi Latifah masih tifak bersyukur. Latifah tetap menginginkan agar bapanya membelikannya sebuah rumah. Sikap Latifah ini sesuai dengan baris terakhir pantun iaitu diberi satu minta lagi.	<b>Tamak-</b> sikap tamak seseorang yang tidak bersyukur.  Sebagai contoh Latifah yang tidak bersyukur dengan nikmat yang berikan. Setelah diberi hadiah kereta, Latifah menginginkan lagi untuk dihadiakan sebuah rumah.
35	Tanah liat dipolah jubin, Buluh muda dibuat bingkai; Belajar dengan tekun dan rajin, Harapan ibu iboh diabai.	Nasihat agar sentiasa belajar dengan bersungguh-sungguh.	Pantun ini berkisarkan pesanan orang tua yang mengharapkan kejayaan daripada anaknya.	Puan Aisyah sentiasa menasihati anaknya agar tekun mengulang kaji pelajaran bagi mencapai	<b>Amygdala:</b> Satu komponen otak yang mengawal perasaan dan tafsiran terhadap

	Tanah liat dibuat jubin, Buluh muda dibuat bingkai; Belajar dengan tekun dan rajin, Harapan ibu jangan diabai.			kecemerlangan serta tidak mensia-siakan harapannya untuk melihat anaknya berjaya. Menyedari keadaan tersebut, anaknya Hanif belajar dengan bersungguh-sungguh demi mendapatkan kejayaan dan menunaikan harapan ibu nya.	ransangan seperti nasihat dan teguran. Sebagai contoh harapan seorang ibu kepada anaknya agar beroleh kecemerlangan dan kejayaan.
36	Pagi-pagi sudah membasuh, Nyesah baju kain kasa; Lagi kecil dididik diasuh, Besar kelak berbuat jasa.  Pagi-pagi sudah membasuh, Basuh baju kain kasa; Lagi kecil dididik diasuh, Besar nanti berbuat jasa.	Melentur buluh biarlah dari rebungnya.	Mengajar dan mendidik anak-anak ketika usia mereka masih kecil kerana apabila anak-anak mula meningkat dewasa, mereka sukar menerima teguran dan didikan daripada orang lain.	Semasa kecil lagi, anak-anak perlu mendapat didikan yang sempurna daripada ibu bapa. Hal ini demikian kerana, anak-anak merupakan kain putih, ibu bapalah yang akan mencorakkannya. Anak-anak hendaklah dididik dari kecil sesuai dengan pepatah melentur buluh biarlah dari rebungnya.  Sebagai contoh Azmi mendapat pendidikan yang sempurna dari ibu bapanya sejak kecil lagi. Apabila	<b>Perilaku-</b> Penilaian yang diperlajari secara relative stabil dan berkekalan sesuatu, termasuk orang tertentu, tingkah laku, kepercayaan, objek, atau idea.  Sebagai contoh Azmi yang berjasa dengan ibu bapa hasil daripada didikan sempurna dari ibu bapanya.

				membesar, Azmi menjadi anak yang baik serta berjasa dengan ibu bapanya.	
37	<p>Sayang Tini sayang Reduan, Tekat menekat baldu sutera; Kamek disitok rindu-rinduan, Nasihat ibu membalut lara.</p> <p>Sayang Tini sayang Reduan, Tekat menekat baldu sutera; Saya disini rindu-rinduan, Nasihat ibu membalut lara.</p>	<p>Sang perantau yang merindui ibu.</p>	<p>Seseorang yang berada di tempat yang jauh dari kampung halaman serta keluarganya. Keadaan seperti ini menyebabkan timbulnya rasa rindu terhadap seorang ibu yang ditinggalkan dalam kerinduan.</p>	<p>Keadaan seseorang yang belajar jauh merindui ibu bapanya. Hanya nasihat ibu sahaja yang dapat membalut lara di hatinya.</p> <p>Contohnya, Khamal telah melanjutkan pelajaran di New Zealand. Namun disebabkan telah lama tidak kembali ke kampung halamannya untuk menjenguk ibunya maka timbulah perasaan rindu terhadap ibunya.</p>	<p><b>Gangguan jiwa-gangguan psikologi</b> yang dicirikan oleh tempoh kesedihan yang mendalam dan tahan lama antara tempoh yang tinggi dan rendah.</p> <p>Sebagai contoh keadaan Khamal yang jauh terpisah dari ibu bapanya kerana melanjutkan pelajaran ke luar negara, merindui ibu bapanya yang berada di kampung. Hanya nasihat sahaja yang dapat melepaskan rindunya terhadap ibu dan bapanya.</p>

38	<p>Duka resah iboh dikenang, Kemboja puspa harum kenanga; Ketika susah ketika senang, Kita lupa akan rahmat-Nya.</p> <p>Duka resah jangan dikenang, Kemnoja puspa harum kenanga; Ketika susah ketika senang, Kita lupa akan rahmat-Nya.</p>	<p>Sentiasa bersyukur dengan apa yang diberikan.</p>	<p>Kadang kala, apabila senang kita lupa akan rahmat yang diberikan. Apabila susah, kita juga lupa akan rahmat yang diberikan. Sebagai seorang manusia yang matang, kita hendaklah sentiasa bersyukur dengan rahmat yang diberikan. Bukan bersyukut sahaja, malahan kita hendaklah mengingat-Nya kerana semua perkara datangnya dari Allah S.W.T</p>	<p>Pantun ini juga merupakan pantun nasihat yang diberikan agar semua manusia sedar dan bersyukur akan nikmat yang telah diberikan oleh-Nya. Sebagai seorang manusia, apabila senang, kita hendaklah sentiasa mengingati-Nya. Apabila susah, kita juga hendaklah tetap mengingati-Nya kerana semua rahmat datangnya dari Allah S.W.T.</p> <p>Sebagai contoh, apabila diuji dengan kesenangan, Amalina tetap bersyukur dengan apa yang dimiliki. Begitu juga sebaliknya.</p>	<p><b>Kesedaran:</b> Perbuatan seseorang yang tersedar daripada melakukan kesilapan.  Sebagai contoh, tindakan Amalina yang sentiasa bersyukur walaupun dirinya di uji dengan kesenangan dan kesusahan.</p>
39	<p>Bukan mukun sebarang mukun, Mukun kamek berisi beras; Bukan pantun sebarang pantun, Pantun kamek meminta dibalas.</p>	<p>Meminta pihak yang lain untuk membala pantun mereka.</p>	<p>Pantun ini mengisahkan tentang adat bermukun yang digunakan oleh masyarakat melayu Sarawak dalam</p>	<p>Pantun ini digunakan dalam adat bermukun di Sarawak. Bermukun merupakan upacara berbalas pantun</p>	<p><b>Penarikan-</b> sesuatu daya tarikan yang menyebabkan seseorang tertarik atau</p>

	Bukan mukun sebarang mukun, Mukun saya berisi beras; Bukan pantun sebarang pantun, Pantun saya meminta dibalas.	upacara perkahwinan. Pasangan lelaki akan memberi pantun, manakala pihak perempuan hendaklah membala pantun tersebut.	disertakan dengan pukulan gendang dan bertandak (menari). Apabila pihak lelaki memberikan pantun kepada pihak perempuan, pihak perempuan hendaklah membala pantun tersebut.  Contoh situasi :  Pak Suut : Bukan mukun sebarang mukun, Mukun kamek berisi beras; Bukan pantun sebarang pantun, Pantun kamek meminta dibalas.  Mak Kiah : Asam paya buah di hutan, Dalam sepompong masak sebijji; Sungguh kacak wajahmu tuan, Dalam kamung payah dicari.	minat dengan seseorang yang lain.  Sebagai contoh pantun yang diberikan oleh pihak lelaki menarik perhatian pihak perempuan untuk membala pantunya. Hal ini dapat dilihat melalui perbualan Pak Sungut dan Mak Kiah.	
40	Pekan Sabtu Kampung Pak	Bermaksud seorang	Secara fitrahnya, seseorang	Sifat manusia dalam	Ego- salah satu struktur

<p>Tua, Pekan Jawi Tanah Petani; Badan sigek kekasih dua, Apa jadi nasibku ini.</p> <p>Pekan sabtu Kampung Pak Tua, Pekan Jawi Tanah Petani; Badan satu kekasih dua, Apa jadi nasib ku ini.</p>	<p>lelaki mempunyai dua orang kekasih pada satu masa dan tidak berupaya membahagikan kasih dan masa untuk kedua-dua kekasihnya.</p>	<p>hendaklah hanya mempunyai satu kekasih sahaja sebelum dijadikan sebagai pasangan hidup. Hal ini demikian kerana, untuk mengenali dan memahami orang yang dicintai memakan masa yang lama supaya dapat menentukan pasangan yang tepat. Oleh itu, memiliki lebih daripada seorang kekasih adalah mustahil kerana perkara ini akan menimbulkan ketidakpuashatian bagi kedua pihak dan akan ada unsur berat sebelah dan tidak adil.</p>	<p>bertindak adil untuk mambahagikan kasih sayang kepada orang yang dicintai ataupun lebih khusus, iaitu kekasih atau isteri adalah menjadi satu ketidakpastian. Sebagai contoh, Nizam mempunyai dua orang kekasih yang bernama Amalina dan Dania disebabkan tamaknya. Menurut Nizam, mempunyai seorang kekasih sahaja adalah tidak puas baginya. Namun begitu, dia mengalami kesulitan apabila kedua kekasihnya berasa tidak puas hati setelah mendapat tahu mereka diuduakan oleh Nizam. Akhirnya, Nizam tidak dapat membahagikan masanya untuk dua orang kekasih kerana itu merupakan</p>	<p>asas kepribadian seperti yang dicadangkan oleh Freud, ego mnegekalkan keseimbangan di antara tuntutan id, superego dan realiti.</p> <p>Sebagai contoh Nizam yang tamak mempunyai dua orang kekasih pada satu masa dan akhirnya mengalami kesukaran dalam membahagikan dirinya untuk dua orang kekasihnya tersebut.</p>
---	---	--	--	---

				perkara yang sukar.	
41	Asam pauh masak laksa, Pakei pengat hiasan berbunga; Sesungguhnya Tuhan maha kuasa, Kupohon rahmat pertolongan-Nya.	Hanya kepada Allah sahaja tempat umat Islam mengadu dan meminta pertolongan dan bukan selain-Nya.	Setiap manusia yang menghadapi kesusahan hendaklah meminta pertolongan dari Tuhan yang Maha Kuasa kerana hanya Dia sahaja yang akan membantu kita di saat susah dan senang. Oleh hal yang demikian, setiap manusia janganlah lalai dan alpa daripada mengingati Tuhan yang satu.	Seorang hamba yang sentiasa memohon pertolongan daripada Tuhan walau apa jua keadaannya.  Sebagai contoh, Ahmad sentiasa berdoa kepada Tuhan agar ibunya akan dapat disembuhkan daripada penyakit yang kronik kerana Ahmad amat menyayangi ibunya.	<b>Daya ingatan</b> - kebolehan fungsi otak untuk mengingati apa yang terdapat dalam minda seseorang.  Contohnya, doa adalah perkara yang amat penting dalam meningkatkan nilai manusia.
	Asam pauh masak laksa, Buat pengat hiasan berbunga; Sesungguhnya Tuhan Maha Kuasa, Kupohon rahmat pertolongan-Nya.				
42	Bukit Jertih berhutan buluh, Nobat dipalu kayu berangan; Fikir dolok sebelum polah, Mun dipolah menyesal jangan.	Sebelum melakukan sesuatu perkara hendaklah kita berfikir terlebih dahulu.	Setiap tindakan yang dilakukan oleh seseorang hendaklah disertakan dengan akal dan fikiran yang matang bagi mengelakkan penyesalan yang berlarutan. Penyesalan di kemudian hari hanyalah satu perkara yang sia-sia kerana setiap tindakan perlu disertakan dengan akal fikiran.	Pantun ini digunakan untuk memberi nasihat agar mengajar seseorang untuk berfikir sebelum bertindak.  Sebagai contoh, ibu bapa Azli sentiasa mengingatkan anaknya supaya berfikir matang dalam melakukan sesuatu tindakan bagi mengelakkan penyesalan.	<b>Amygdala</b> - satu komponen otak yang mengawal perasaan dan tafsiran terhadap rangsangan seperti nasihat dan teguran.  Sebagai contoh, nasihat yang diberikan kepada Azli agar tidak
	Bukit Jertih berhutan buluh, Nobat dipalu kayu berangan; Fikir dahulu sebelum buat, Kalau dibuat menyesal jangan.				

			Azli diingatkan lagi agar tidak terburu-buru melakukan keputusan dan selalu memikirkan kebaikan dan keburukan pada masa akan datang.	bertindak terburu-buru agar tidak menyesal suatu hari nanti.	
43	Iboh pergi mandi di lombong, Emak dan kakak pegi mencuci; Iboh suka bercakap bohong, Semua kawan akan membenci.  Jangan pergi mandi di lombong, Emak dan kakak pergi mencuci; Jangan suka bercakap bohong, Semua kawan akan membenci.	Bercakap bohong akan menyebabkan semua orang terutama kawan membenci diri kita	Percakapan bohong akan menyebabkan orang ramai menjauhi seseorang yang suka berbohong kerana tidak menyukai sikap dan perbuatan itu. Sikap suka berbohong tidak akan dapat menarik perhatian orang ramai untuk berkawan kita malah ia akan menyebabkan orang ramai makin menjauhi kita.	Percakapan bohong oleh seseorang akan menyebabkan orang ramai menjauhkan diri dari pembohong tersebut.  Sebagai contoh, seorang budak lelaki sentiasa menipu rakan-rakannya ketika berbual sehingga akhirnya semua orang menjauhi dirinya.	<b>Amygdala-</b> satu komponen otak yang mengawal perasaan dan tafsiran terhadap rangsangan seperti nasihat dan teguran.  Sebagai contoh budak lelaki yang selalu bercakap bohong telah dijauhi oleh rakan-rakannya.
44	Dalam semak ada duri, Ayam kuning polah sarang; Orang tamak selalu rugi. Kedak anjing dengan bayang.  Dalam semak ada duri,	Sikap tamak dalam diri akan menyebabkan seseorang itu rugi.	Setiap manusia hendaklah membuang sikap tamak yang ada dalam dirinya untuk mengelakkan dia dari kerugian kerana sikap tamak adalah sikap yang tidak digalakkan	Sikap tamak individu yang harus dikikiskan supaya tidak mendatangkan kerugian kepada dirinya sendiri. Sikap tamak adalah satu sikap yang	<b>Tamak-</b> sifat tamak yang akan merugikan diri sendiri.  Sebagai contoh kekayaan Pak Mat

	Ayam kuning buat sarang; Orang tamak selalu rugi. Macam anjing dengan bayang.		ada dalam diri seseorang.	mencerminkan keburukan dalam diri seseorang.  Contohnya, Pak Mat adalah seorang lelaki yang sangat tamak kerana dia tidak pernah cukup dengan kekayaan yang diperolehnya selama ini. Kekayaan Pak Mat berkesudahan apabila rumah Pak Mat dimasuki oleh perompak dan segala hartanya telah hilang.	yang berakhir apabila rumahnya dipecah masuk dan melesapkan hartanya.
45	Tali pinggang hadiah Pak Tua, Banyak dijual di gerai-gerai; Makan setapak kita berdua, Sampai mati sik bercerai.	Nasihat berkaitan kerukunan dalam rumah tangga antara suami dan isteri.	Keutuhan dan kerukunan rumah tangga adalah amat penting bagi menjamin kebahagiaan yang kekal selamanya. Kasih sayang yang utuh akan mengekalkan kebahagiaan dan kesejahteraan rumah tangga.	Pasangan suami isteri yang sentiasa bersama walau apa jua cabaran dan halangan yang melanda.  Contohnya, pasangan itu sudah hampir 60 tahun mendirikan rumah tangga kerana mereka sentiasa menyayangi antara satu sama lain	<b>Kasih sayang</b> - hubungan yang terjalin antara seseorang dengan individu yang lain.  Contohnya, Haziq dengan Maria yang telah lama mendirikan rumah tangga masih kekal menjadi
	Tali pinggang hadiah Pak Tua, Banyak dijual di gerai-gerai; Makan sepinggan kita berdua, Sampai mati tidak bercerai.				

					pasangan suami isteri kerana kasih sayang yang wujud antara mereka sehingga mampu menempuh dugaan bersama.
46	Carta dipolah bersilang-silang.  Mudah dibaca tanpa kanta;  Harta sik milik seorang,  Harus dikongsi sesama kita.   Carta dibuat bersilang-silang.  Mudah dibaca tanpa kanta  Harta bukan milik seorang,  Harus dikongsi sesama kita.	Harta yang kita miliki bukanlah milik kita seorang tetapi milik bersama.	Harta yang kita miliki bukanlah milik kita sepenuhnya akan tetapi masih ada juga bahagian orang lain yang tidak kita ketahui. Oleh itu, kita hendaklah berkongsi kesenangan kita dengan orang ramai supaya mereka juga dapat merasai nikmat yang telah dikurniakan Tuhan.	Individu yang sentiasa berkongsi hartanya dengan orang lain. Individu tersebut beranggapan bahawa, segala harta yang dimilikinya perlu dikongsi bersama agar wujudnya kebahagian dan keberkatan dalam hidupnya.  Contohnya, lelaki kaya itu sentiasa mengajak anak-anak yatim datang ke rumahnya kerana dia sentiasa menyediakan juadah yang istimewa untuk anak-anak yatim hasil daripada kekayaan yang dimilikinya. .	<b>Keterbatasan-</b> perkara yang menyebabkan keterbatasan dalam sesuatu perkara.  Contohnya, lelaki kaya sentiasa membelanjakan wangnya untuk anak-anak yatim dengan menjemput mereka ke rumahnya.
47	Hidang-menghidang oleh Cik	Ia berkaitan dengan	Percintaan yang sering	Kisah individu yang	<b>Daya ingatan</b> -

	<p>Dayang, Keti datang dari Bintulu; Pandang memandang bertambah sayang, Hati rindu mok dekat selalu.</p> <p>Hidang menghidang oleh Cik Dayang, Keti datang dari Bintulu; Pandang memandang bertambah sayang; Hati dirindu muh dekat selalu.</p>	<p>kerinduan seseorang terhadap pasangannya yang berada jauh dari mata.</p>	<p>dihadapi oleh setiap insan yang bergelar manusia. Kasih sayang dan cinta yang kuat membuatkan seseorang ingin sentiasa berada dekat di hati pasangannya. Percintaan yang dilalui oleh seseorang itu akan menyebabkan dirinya sentiasa ingin berada dekat dengan pasangannya.</p>	<p>merindui pasangannya dan sentiasa ingin pasangannya untuk sentiasa berada di sampingnya.</p> <p>Contohnya, Akil yang baru saja mendirikan rumah tangga terpaksa duduk berjauhan dengan isterinya kerana dia telah melanjutkan pelajaran ke luar negara.</p>	<p>kebolehan fungsi otak mengingati apa yang berada dalam minda seseorang.</p> <p>Contohnya, Akil terpaksa tinggal berjauhan dengan isterinya kerana melanjutkan pelajaran. Akil berasa rindu terhadap isterinya dan menginginkan isterinya berada di sampingnya.</p>
48	<p>Pagi hari pegi ke sawah, Waktu petang baruk mok pulang; Nangga di mata kedak mewah, Namun hutang di keliling pinggang.</p> <p>Pagi hari pergi ke sawah, Waktu petang baru nak pulang; Nampak di mata macam</p>	<p>Kehidupan mewah tidak semestinya menampakkan seseorang itu bahagia</p>	<p>Kemiskinan tidak semestinya menampakkan seseorang itu tidak bahagia dan kekayaan pula tidak menunjukkan seseorang itu bahagia. Bebanan hutang yang dihadapi mampu menyekat kebahagiaan seseorang yang kaya.</p>	<p>Individu yang hidup dalam kemewahan tetapi banyak hutangnya menyebabkan kebahagiaan akan tergugat.</p> <p>Sebagai contoh, Razman sering dikelilingi dengan hutang kerana dia sering menghabiskan masanya dengan berhibur sehingga</p>	<p><b>Keterbatasan -</b> perkara yang menyebabkan keterbatasan dalam sesuatu perkara.</p> <p>Contohnya, wang yang banyak tidak akan mampu untuk menjamin kebahagiaan</p>

	mewah, Namun hutang di keliling pinggang.			berhutang dengan orang ramai.	individu.
49	Uda Dara mabuk cinta, Mati bersama kubur selobang; Udah sakit menanggung derita, Udah mok mati baruk semayang.  Pakcik Dara mabuk cinta, Mati bersama kubur selubang; Sudah sakit menanggung derita, Sudah nak mati baru sembahyang.	Nilai ibadat seseorang yang hanya dimulakan setelah sakit dan nazak	Setiap insan yang dihidupkan di atas muka bumi ini ditugaskan untuk sentiasa beribadat kepada Sang Pencipta untuk menunjukkan tanda kesyukuran kita sebagai hamba.	Hamba yang diciptakan sering alpa dan leka dengan nikmat dunia. Namun mereka hanya ingin bertaubat setelah nyawanya ingin ditarik.  Keadaan Encik Samad yang kaya raya menyebabkan beliau riak dan kurang bersyukur terhadap nikmat yang diberikan. Pada suatu hari, Encik Samad mengalami kerugian yang besar. Kerugian tersebut telah menyebabkan Encik Samad jatuh miskin dan sakit. Setelah kejadian tersebut, Encik Samad terus bertakwa kepada Allah S.W.T.	<b>Kognitif</b> - bentuk atau cara pemikiran manusia terhadap sesuatu. Seseorang itu berupaya untuk memikirkan kebaika dan keburukan sesuatu peristiwa.  Sebagai contoh Encik Samad yang kembali ke pangkal jalan setelah beliau ditimpa masalah.

	Orang haji dari Jeddah, Buah kurma berlambak-lambak; Pekerjaan guru siklah mudah, Kedak kerja menolak ombak.	Pekerjaan sebagai seorang guru yang banyak ujian dan cabarannya.	Pekerjaan guru tidak boleh dipandang rendah kerana ilmu seorang guru mampu melahirkan ramai anak muda yang berjaya dalam kehidupan mereka.	Individu yang bergelar seorang guru akan sentiasa menghadapi pelbagai cabaran dalam mendidik para pelajarnya.  Sebagai contoh, Cikgu Halimah sentiasa berusaha gigih dalam memberi ilmu kepada anak muridnya dengan harapan mereka mampu untuk menjadi anak muda yang berjaya pada masa hadapan.	<b>Kognitif</b> - bentuk atau cara pemikiran manusia terhadap sesuatu.  Contohnya, manusia sentiasa memikirkan kesusahan dan keburukan sesuatu perkara sebelum menghadapinya sendiri.
50	Orang haji dari Jeddah, Buah kurma berlambak-lambak; Pekerjaan guru bukanlah mudah, Bagai kerja menolak ombak				

## **6.0 RUMUSAN**

Kesimpulannya, Malaysia bukan sahaja terdiri daripada pelbagai kaum bahkan mempunyai bahasa yang berlainan dan pelbagai mengikut negeri dan etnik masing-masing. Dalam tugasan ini, kami telah memilih untuk mengkaji dan memahami penggunaan pantun dalam masyarakat Melayu Sarawak di Malaysia. Semasa menjalankan tugasan, kami telah meminta tunjuk ajar dari pelajar universiti dan beberapa responden yang berasal dari Sarawak dalam mentafsirkan pantun bahasa Melayu Sarawak kepada bahasa Melayu baku. Dalam proses tersebut, kami telah mempelajari serba sedikit makna dan penggunaan bahasa Melayu Sarawak dalam kehidupan seharian sebagai contoh nasihat, pengajaran, peringatan dan keagamaan. Ini merupakan suatu pendedahan yang amat bermakna dan baru kepada kami untuk menimba ilmu.

Walaupun bahasa Melayu Sarawak berlainan dengan bahasa Melayu baku namun bahasa Melayu Sarawak mempunyai keistimewaan yang tersendiri dan unik untuk dipelajari. Bahasa Melayu Sarawak ini seterusnya telah menonjolkan keterampilan jati diri dan menyerlahkan keasliaan peribadi seorang rakyat di Sarawak. Peradaban zaman menyebabkan pantun bahasa Melayu Sarawak semakin jarang digunakan oleh masyarakat zaman sekarang. Walau bagaimanapun bahasa Melayu Sarawak masih diteruskan sehingga kini. Kami sekumpulan berharap agar tugasan ini mampu menjadi rujukan dan panduan kepada generasi akan datang untuk lebih memahami penggunaan pantun dalam situasi dan senario yang berbeza.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Aziz Bin Zulkifli, pelajar tahun empat Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan. Tarikh ditemu bual pada 20 Mei 2018, 11:00 pagi, Universiti Sains Malaysia.
- Akmajian. *Pengantar Bahasa dan Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ChaosKaizer & Marvin (2008) “Yang Indah Itu Bahasa”. Dipetik daripada <http://pan-tun.blogspot.my/2011/09/pantun-sarawak-bergendang-bermukun.html> diakses pada 21 April 2018, 8:00 pagi
- Hairiah Binti Junaidi, penduduk asli negeri Sarawak, panggilan telefon bertarikh 20 April 2018, 10:00 pagi.
- Hajah Jamaya Binti Haji Abang, penduduk asli negeri Sarawak, panggilan telefon bertarikh 17 April 2018, 10:00 pagi.
- Irlonna Nastia Binti Ibrahim, pelajar tahun empat Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan. Tarikh ditemu bual pada 15 Mei 2018, 10:00 pagi, Universiti Sains Malaysia.
- Komunitas Pencita Pantun (2018) “Pantun Seribu”. Dipetik daripada <https://pantunseribu.blogspot.my/2014/09/pantun-melayu-pantun-melayu-serawak.html>, diakses pada 16 April 2018, 11:00 pagi.
- Latifah Mohd. Sabli. *Pantun Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mary Fatimah Subet. *Pantun Melayu Sarawak*. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Medina (2011) “Belajar Bahasa Melayu Sarawak”. Dipetik daripada <http://beautifulmedina.blogspot.my/2011/05/juh-kita-berpantun.html> diakses pada 1 Mei 2018, 10:00 pagi.
- Mohd Daniel Ehsaq Bin Abdullah, pelajar tahun satu Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan. Tarikh ditemu ramah pada 23 Mei 2018, 8:00 pagi, Universiti Sains Malaysia.
- Noriah Mohamed. *Sosiolinguistik Bahasa Melayu di Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nur Amalina Binti Ahim, pelajar tahun satu Pusat Pengajian Ilmu Kemanusian. Tarikh ditemu ramah pada 24 Mei 2018, 10:00 pagi, Universiti Sains Malaysia.


---

(2016) “Pantun Sarawak”. Dipetik daripada <http://dporp.blogspot.my/2009/07/pantun-sarawak.html>, diakses pada 17 April 2018, 10:00 pagi.

---

(2016) “Pantun Gendang Mala Yu Sawarak”. Dipetik daripada <http://gendangsiney.blogspot.my/2016/05/pantun-gendang-mala-yu-sarawak.html> diakses pada 20 April 2018, 2:00 petang.


## MOOC SETIAP AHLI KUMPULAN



The screenshot shows the Openlearning platform interface. At the top, there are three tabs: 'Profil Pelajar @ USM', 'Course: SHE101 ETHNIC', and 'ibnusanybinsamsulbahri'. The main content area features a banner for 'KESEPADUAN & HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA' and the 'UKM MOOC' logo. Below the banner, the user's profile information is displayed: 'IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI' and '0 Kudos'. On the left, a sidebar shows links for 'About', 'Recent Activity', 'Blog', and 'Favourites', along with a 'Your Account' section. In the center, there are sections for 'About Me' (with a note about editing), 'Communities', and a 'Recent Activity' feed. The bottom of the screen shows a taskbar with various icons and system status.

IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI

136361



The screenshot shows the Openlearning platform interface. At the top, there are three tabs: 'hanifmohdnoor - Kesep...', 'Course: SHE101 ETHNIC', and 'ibnusanybinsamsulbahri'. The main content area features a banner for 'KESEPADUAN & HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA' and the 'UKM MOOC' logo. Below the banner, the user's profile information is displayed: 'Mohamad Hanif bin Mohd Noor' and '0 Kudos'. On the left, a sidebar shows links for 'About', 'Recent Activity', 'Blog', and 'Favourites', along with a 'Your Account' section. In the center, there are sections for 'About Me' (with a note about editing), 'Communities', and a 'Recent Activity' feed. The bottom of the screen shows a taskbar with various icons and system status.

MOHAMAD HANIF BIN MOHD NOOR


136373

This screenshot shows the OpenLearning profile of Masyitah Karate. The profile header features the text "KESEPADUAN & HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA" and the UKM MOOC logo. Masyitah's profile picture is a young woman wearing a pink hijab. Her name, "Masyitah Karate", is displayed prominently. Below her name, there is an "About Me" section with the following details:  
NAMA : MASYITAH BINTI KARATE  
NO MATRIK : 136371  
PUTUS PENGAJIAN : ILMU PENDIDIKAN (SASTERA DENGAN PENDIDIKAN)  
NAMA UNIVERSITI : UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)  
SEMESTER : SEMESTER 2

MASYITAH BINTI KARATE 136371

This screenshot shows the OpenLearning profile of Masyitah binti Zulkifli. The profile header features the text "KESEPADUAN & HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA" and the UKM MOOC logo. Masyitah's profile picture shows a group of people. Her name, "masyitah binti zulkifli", is displayed prominently. Below her name, there is an "About Me" section with the following text:  
You have not yet filled out this section of your profile. Click the edit button above to change this text.


MASYITAH BINTI ZULKIFLI 136372



A screenshot of a web browser showing an OpenLearning profile. The profile belongs to MASLIANA BINTI ABDUL LEMIN. The header features the text "KESEPADUAN & HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA" and the UKM MOOC logo. The profile picture shows a woman wearing a black hijab. The main content area displays the user's name, "MASLIANA BINTI ABDUL LEMIN", and "0 Kudos". Below this, there are sections for "About Me" (with placeholder text), "Communities" (listing "kesepaduan dan hubungan etnik (ulkm)" and "TAMADUN ISLAM DAN T... PUTRAMOOC"), and "Your Account" (with links for About, Recent Activity, Blog, Favourites, My Courses, Account Settings, and Chat History). The bottom right corner shows the date "5/2/2018" and time "11:34 PM".

MASLIANA BINTI ABDUL LEMIN

136370



A screenshot of a web browser showing an OpenLearning profile. The profile belongs to KARTINI BINTI ISMAIL. The header features the text "KESEPADUAN & HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA" and the UKM MOOC logo. The profile picture is a green placeholder icon. The main content area displays the user's name, "KARTINI BINTI ISMAIL", and "0 Kudos". Below this, there are sections for "About Me" (with placeholder text), "Communities" (listing "kesepaduan & Hubu...", "UKM MOOC", and "Kartini Binti Ismail"), and "Your Account" (with links for About, Recent Activity, Blog, Favourites, My Courses, Account Settings, and Chat History). The bottom right corner shows the date "3/5/2018" and time "1:53 AM".

KARTINI BINTI ISMAIL

136367

This screenshot shows the profile page of Grace Geraman on the OpenLearning platform. The header features the "KESEPADUAN & HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA" logo and the "UKM MOOC" logo. Grace's profile picture is a placeholder. Her name, "Grace Geraman", is displayed above a "About Me" section which is currently empty. She has 0 Kudos. Below this is a "Communities" section showing her participation in "TAMADUN ISLAM & TAMADUN ASIA" and "Kesepaduan & Hubungan Etnik". A "Comments" section is present with a text input field. The footer includes links for OpenLearning, Students, Educators, Institutions, Stay in Touch, and a status bar showing "Online 195", "1:29 PM", "ENG", and the date "13/4/2018".

GRACE ANAK GERAMAN

136359

This screenshot shows the profile page of Hanazatul Husna Binti Yahaya on the OpenLearning platform. The header features the "KESEPADUAN & HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA" logo and the "UKM MOOC" logo. Hanazatul's profile picture is a placeholder. Her name, "Hanazatul Husna Binti Yahaya", is displayed above a "About Me" section which is currently empty. She has 0 Kudos. Below this is a "Communities" section showing her participation in "TAMADUN ISLAM & TAMADUN ASIA" and "Kesepaduan & Hubungan Etnik". A "Comments" section is present with a text input field. The footer includes links for OpenLearning, Students, Educators, Institutions, Stay in Touch, and a status bar showing "Online 117", "1:29 PM", "ENG", and the date "13/4/2018".

HANAZATUL HUSNA BINTI YAHAYA

136360

jurianabintiismail - Kesepaduan & Hubungan Etnik di Malaysia

Secure | https://www.openlearning.com/u/jurianabintiismail/

Openlearning Search

KESEPADUAN & HUBUNGAN ETNIK  
DI MALAYSIA

UKM MOOC

Juriana binti Ismail

★ 0 Kudos

About Me

You have not yet filled out this section of your profile. Click the edit button above to change this text.

Edit

Communities

TAMADUN ISLAM & TAHARUN ASIR PUTRAMOOC ★ 0 Kudos

Kesepaduan & Hubu... UKM MOOC ★ 0 Kudos

Your Account

Online 117 10:05 AM 3/5/2018

JURIANA BINTI ISMAIL

136365

Openlearning Search

KESEPADUAN & HUBUNGAN ETNIK  
DI MALAYSIA

UKM MOOC

IMAN BINTI MOHAMAD ZAWAWI

★ 0 Kudos

About Me

You have not yet filled out this section of your profile. Click the edit button above to change this text.

Edit

Communities

TAMADUN ISLAM & TAHARUN ASIR PUTRAMOOC ★ 0 Kudos

Kesepaduan & Hubu... UKM MOOC ★ 0 Kudos

Your Account

Offline

IMAN BINTI MOHAMAD ZAWAWI

136362